

International Journal of 'Umrānic Studies
Jurnal Antarabangsa Kajian 'Umrān

المجلة العالمية للدراسات العمرانية

Journal homepage: <https://unissa.edu.bn/journal/index.php/ijus>

Vol. 8, Issue 2 | July 2025

Implementasi Metod *Tazkiyah Al-Nafs* Dalam Pendidikan Akhlak Menurut Sa'id Hawwa

Suhaiella Suhaili¹, Muhamad Zahiri Awang Mat²

^{1,2} Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

¹Corresponding author: Suhaila.Hs@hotmail.com, ² zahiri.mat@kupu-sb.edu.bn

ABSTRAK

Latar Belakang: Pendidikan akhlak memainkan peranan penting di dalam usaha membentuk peribadi mulia pelajar. Pendidikan akhlak juga dapat menjamin kesejahteraan dan keselamatan masyarakat bagi menangani cabaran-cabaran yang dihadapi dari meresapi sistem pendidikan dalam konteks sekarang.

Tujuan Kajian: Kertas konsep ini mengetengahkan metod *tazkiyah al-nafs* menurut perspektif Sa'id Hawwa menerusi salah satu kitab beliau iaitu *Al-Mustakhlash Fi Tazkiyatini-Nafsi* dan menghubungkan implementasi elemen tersebut dalam konsep pendidikan akhlak pelajar.

Metodologi: Metod kajian melibatkan kaedah berbentuk kualitatif berdasarkan kajian perpustakaan.

Dapatan Kajian: Dapatan menunjukkan bahawa metod *tazkiyah al-nafs* yang dikemukakan oleh Sa'id Hawwa menerusi proses *mujahadah al-nafs* dan *riyadhah al-nafs* membantu dalam usaha menyingkirkan sifat-sifat tercela (sifat *mazmumah*) dan membiasakan diri pelajar dengan menerapkan sifat-sifat terpuji (sifat *mahmudah*) serta melazimi perbuatan yang dituntut.

Keaslian dan Sumbangan: Penekanan metod *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa) turut dikaitkan dalam usaha mendidik akhlak pelajar terutama peringkat menengah. Metod *tazkiyah al-nafs* yang diaplikasikan dalam pendidikan akhlak menerusi proses berkenaan akan dapat mendisiplinkan diri pelajar ke arah positif secara dalaman dan luaran mengikut acuan ajaran Islam serta masih relevan untuk dipraktikkan sesuai untuk manfaat para masyarakat Islam masa kini.

Kata Kunci: Pendidikan Akhlak, Pendidikan Islam, Sahsiah, Sa'id Hawwa, *Tazkiyah al-Nafs*

ABSTRACT

Background: Moral education plays a vital role in shaping students' noble character. It also ensures the well-being and security of society by addressing challenges that arise from the current educational system.

Purpose of the Study: This concept paper highlights the method of *tazkiyah al-nafs* (purification of the soul) from the perspective of Sa'id Hawwa through one of his works, *Al-Mustakhlash Fî Tazkiyatin-Nafsi*, and links the implementation of these elements to the concept of students' moral education.

Methodology: The study adopts a qualitative approach based on library research.

Findings: The findings indicate that the *tazkiyah al-nafs* method proposed by Sa'id Hawwa—through the processes of *mujahadah al-nafs* (striving against the self) and *riyadhah al-nafs* (spiritual training)—helps eliminate blameworthy traits (*sifat mazmumah*), cultivate praiseworthy qualities (*sifat mahmudah*), and habituate students to performing commendable deeds.

Originality and Contribution: Emphasizing the *tazkiyah al-nafs* method (soul purification) is closely linked to efforts in moral education, particularly at the secondary school level. Applying this method in moral education can discipline students both internally and externally, guiding them positively according to the framework of Islamic teachings. It remains relevant and beneficial for the moral development of contemporary Muslim societies.

Keywords: Moral Education, Islamic Education, Character, Sa'id Hawwa, *Tazkiyah al-Nafs*

PENGENALAN

Dalam menyediakan modal insan yang mantap, aspek rohani seseorang perlu dipenuhi dengan ilmu yang bermanfaat, kemudian dihayati serta digilap dan dilatih secara berterusan. Proses ini adalah penting dari perspektif Islam yang seringkali diistilahkan sebagai proses penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*). *Tazkiyah al-nafs* merujuk kepada proses pembersihan diri manusia atau hawa nafsu yang jahat dan meletakkannya dengan berlandaskan kehendak syara'. Justeru penekanan *tazkiyah al-Nafs* turut mengutamakan soal akhlak dalam diri individu. Akhlak merupakan indikator yang dapat mengukur keberkesanan pendidikan khususnya dalam aspek kerohanian. Justeru sama ada kuat atau lemah keimanan seseorang dapat diketahui menerusi perilaku akhlaknya. Menurut salah seorang tokoh falsafah akhlak Islamiyyah, iaitu Ibnu Miskawayh (1966), menjelaskan akhlak merupakan keadaan sesuatu jiwa yang menggerakkan seseorang untuk melakukan perbuatan tanpa pertimbangan fikiran terlebih dahulu, dan jiwa manusia dibahagikan kepada dua iaitu keadaan jiwa yang bersifat tabi'ie dan keadaan jiwa yang dibentuk melalui latihan dan kebiasaan.

Maka pendidikan memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan yang mempunyai keseimbangan dengan tuntutan dunia dan akhirat. Pendidikan ini turut mengaitkan tentang rohani meliputi keyakinan kepada Tuhan, kepercayaan agama, kemantapan jiwa, penghayatan nilai-nilai murni dan norma masyarakat, berbudi pekerti dan berbakti. Manakala penekanan pendidikan akhlak merangkumi nilai-nilai yang baik meliputi kesucian jiwa seperti menjaga nafsu amarah, sama ada nafsu makan, menjauhi buruk sangka dan pelbagai nilai-nilai yang tidak baik (Ahmad Kilani et al., 2012). Penekanan pendidikan ini menjadi suatu keperluan kepada manusia untuk menjaga kesucian hati. Hal ini kerana jika rosak hati maka binasalah seluruh tubuh badan manusia, maka hati perlu dipelihara dari sebarang perasaan yang berunsur ke arah negatif.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini memberi penekanan terhadap elemen kerohanian dalam pendidikan bagi meningkatkan sahsiah pelajar dan menerapkannya dalam kehidupan individu muslim. Di samping itu, dengan adanya penekanan metod penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) menerusi proses *mujâhadah al-nafs* dan *riyâdhah al-nafs* sebagai perantaraan jalan menuju peribadi yang berilmu, beriman, beramal dan berakhlak ini dapat menenangkan hati dan memperbaiki jiwa para pelajar. Hal ini dapat meyakinkan lagi para pendidik khususnya mengendalikan sebarang aktiviti untuk mengadaptasikan

proses tersebut di dalam aktiviti kerohanian di sekolah menengah kerana ianya masih dianggap relevan untuk diaplikasikan masa kini.

METODOLOGI KAJIAN

Kertas konsep ini bertujuan untuk mengetengahkan tentang metod penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) menurut perspektif Sa'id Hawwa menerusi salah satu kitab beliau iaitu *Al-Mustakhlaf Fī Tazkiyat-Nafsi* dan menghubungkaitkan implementasi elemen-elemen tersebut dalam konsep pendidikan akhlak pelajar. Kertas konsep ini melibatkan kaedah berbentuk kualitatif berdasarkan kajian perpustakaan. Dapatan kajian dihuraikan secara deskriptif melibatkan analisis metod *tazkiyah al-nafs* menurut Sa'id Hawwa dan seterusnya elemen sahsiah yang dianggap relevan untuk diaplikasikan kepada pelajar peringkat menengah dan secara tidak langsung memberi pendedahan kepada mereka untuk kesejahteraan hidup yang memerlukan bimbingan agar kehidupan mereka dapat dilalui atas landasan ajaran Islam.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian membincangkan kerelevanan kajian sebelumnya yang mempunyai kesamaan dan perbezaan berkaitan tentang pendekatan *tazkiyah al-nafs* sebagai pendekatan yang dapat mendidik pelajar ke arah pembangunan insan yang lebih baik. Dapatan kajian didapati masih kurang memfokuskan tentang gabungan ahli tasawwuf berkaitan pendekatan *tazkiyah al-nafs* dalam pembaikan jiwa individu muslim. Berikut dijelaskan dapatan kajian mengenai dengan perspektif Sa'id Hawwa.

Latar Belakang Sa'id Hawwa

Nama penuh beliau ialah *Sa'id bin Muhammad Daib Hawwa*. Beliau merupakan seorang tokoh Islam kontemporari di negara Syria, iaitu tokoh terkemuka dalam gerakan Ikhwanul Muslimin serta seorang pejuang dalam bidang kesufian. Beliau juga merupakan antara tokoh-tokoh yang berpengaruh pada abad ke-20 (Nur Zainatul et al., 2019). Beliau dilahirkan di Kota Hamah, Syria pada Tahun 1935M dalam sebuah keluarga yang miskin dan meninggal dunia pada tahun 1989. Sa'id Hawwa merupakan pendidik yang warak dan disegani oleh para ulama ketika itu. Sikap dan keperibadian beliau khususnya perkara spiritual turut tidak ketinggalan pengaruhnya terhadap penulisan al-Ghazali yang meliputi beberapa bab penting dalam buku ilmu tasawwuf yang terbesar iaitu kitab *'Ihyā 'Ulūmuddīn'*.

Salah satu karangan karya Sa'id Hawwa berkaitan dengan ilmu tasawwuf ialah Kitab *'Al-Mustakhlaf Fī Tazkiyat-Nafsi'* bermaksud induk pensucian jiwa. Kitab beliau merupakan perbahasan yang menarik, disusun semula dengan menambah keterangan merujuk kepada sumber utama iaitu al-Qur'an dan Hadith serta dapat difahami kandungannya dari kalangan orang awam, pelajar dan para ilmunan.

Dalam kitab beliau mempunyai empat bab; salah satu kandungan dalam bab tiga mempunyai takrif dan perkara berkaitan tentang *tazkiyatun-nafsī*. Pembahagian dalam bab tersebut dibahagikan kepada tiga pokok utama iaitu perihal mensucikan jiwa, perihal *mentahqiqkan* mengenai induk kedudukan hal-hal yang berkaitan dengan hati dan perihal *takhalluq* (berakhlak murni) iaitu mengenakan budi pekerti yang baik dan mencontohi amalan Rasûlullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam. Malah proses dan tahap *tahaqquq* didapati mampu mendidik jiwa manusia untuk menjaga kesihatan mental dan di masa yang sama mengelakkan gangguan jiwa (Nurzainatul dan Zainab, 2019). Justeru

tazkiyah al-nafs secara istilahnya didefinisikan oleh Sa'id Hawwa adalah sebagai pembersihan (*tatahkur*) daripada penyakit jiwa yang merosakkan sehingga mencapai (*tahaqquq*) kepada tahap kesucian jiwa hingga ke tahap (*takhalluq*) pembentukan sifat yang terpuji dalam diri insan (Said Hawwa 1988, 2004; Abu Dardaa, Salasiah dan Ahmad Irdha, 2017; Zainol et al., 2021). Perincian tersebut memberi maksud perbuatan pembersihan diri dari sebarang kekotoran, daripada keinginan nafsu syahwat, sifat kebinatangan daripada pergolakan dalaman serta membersihkan dari segala kegelapan dan kesesatan.

Mekanisme pelaksanaan *tazkiyah al-Nafs* menurut Sa'id Hawwa (1988) merujuk kepada setiap amalan yang dapat melahirkan kesan positif ke atas *al-nafs* atau diri manusia sehingga dapat menyembuhkan *nafs* daripada penyakit atau *nafs* tersebut dapat merealisasikan nilai akhlak yang mulia seorang muslim dengan Allah Subhānahu Wa Ta'ālā menerusi nilai-nilai tasawwuf (Zakaria Stapa, 2012; Che Zarinna dan Syarifah, 2014). Dalam perincian kaedah penyucian jiwa tersebut dapat mendisiplinkan diri ke arah positif secara dalaman dan luaran mengikut acuan ajaran Islam dengan mengaplikasikan kaedah pembersihan (*takhallī*) dan pembentukan (*al-tahallī*) hingga mampu merealisasikan tahap akhlak kenabian (Nur Zainatul et al., 2019). Penjelasan ini dinyatakan di dalam bahagian *mujāhadah al-nafs* dan *riyādah al-nafs*.

Mujāhadah al-Nafs

Dalam konsep *mujāhadah al-nafs*, Sa'id Hawwa menyatakan insan yang ingin menuju kepada Allah Subhānahu Wa Ta'ālā serta mendapat keredhaan-Nya terlebih dahulu melaksanakan pembersihan (*tatahkur*) iaitu menghindarkan diri dari semua penyakit-penyakit hati yang merosakkan perilaku. Antara penyakit hati tersebut seperti kufur, *nifaq*, *fasiq*, syirik dan *riya'*, cintakan keduniaan, hasad, sombong atau *takbur*, *ghurur* (terpedaya), marah yang dianiaya dan menurut kehendak hawa nafsu. Pelaksanaan pembersihan jiwa kepada hak-hak Allah Ta'ālā termasuklah melibatkan pengorbanan jiwa dalam berjihad di jalan-Nya. Beliau berpendapat ianya merupakan proses peralihan jiwa yang kotor dan tercemar sehingga bertukar menjadi jiwa yang suci (Said Hawwa, 2004; Nur Zainatul, 2019). Berikut dijelaskan elemen *mujāhadah al-nafs* menurut Sa'id Hawwa dari aspek akhlak.

Pertama, Meminta nasihat atau pengajaran. Pengisian ilmu berbentuk nasihat atau pengajaran mendorong seseorang itu menyingkirkan jiwa yang tercela dalam dirinya. Hal ini mengarahkan tujuan penyucian tersebut dapat memperoleh hikmah sehingga merasakan hidupnya kembali semula. Dalam perkara ini ahli sufi mendalami ilmu dan meneliti kebenarannya untuk membersihkan diri dari penyakit hati sehingga Allah Ta'ālā menghadirkan *khusyu'* hatinya dalam melakukan segala tindakan. Sebagaimana Sa'id Hawwa menyatakan:

وَلَذَلِكَ فَعُلَمَاءُ الْآخِرَةِ يَبْدَأُونَ بِتَلْقِينِ السَّالِكِ إِلَى اللَّهِ الذِّكْرَ وَالْحِكْمَةَ حَتَّى يُحْيِيَ قَلْبَهُ...

(Sa'id Hawwa, 2011, hal: 35)

'Oleh sebab itu para ulama yang berurusan mendalami ilmu akhirat mengajarkan setiap orang yang hendak memasuki (*tazkiyah*) bersungguh-sungguh mengarahkan tujuan kepada Allah dan bermakrifat dengan-Nya dengan jalan sentiasa ingat kepada Allah lagi cara bijaksana sehingga mendorong orang tersebut hidup hatinya...'

(Sa'id Hawwa, 2004, hal: 77)

Kedua, Mencegah dari hubbul jâh. *Bermujâhadah* ini mencegah seseorang dari cintakan dunia secara berlebihan seperti mengejar kedudukan pangkat (*hubbul jâh*). Seseorang perlu memalingkan pandangan dan keinginannya untuk memperolehi kedudukan di dunia kecuali dengan adanya rasa puas apa yang dimiliki dan tidak lepas dengan jalan menyenyapkan segala bentuk ketamakan dalam dirinya. Maka, salah satu usaha menyingkirkan sifat tersebut adalah dengan mengasingkan diri dari khalayak ramai. Sa'id Hawwa menyatakan:

وَأَقْوَى الطَّرْقِ فِي قَطْعِ الْجَاهِ الْإِعْتِزَالُ عَنِ النَّاسِ وَالْهِجْرَةُ إِلَى مَوْضِعِ الْحُمُولِ، فَإِنَّ الْمُعْتَزِلَ فِي بَيْتِهِ فِي الْبَلَدِ الَّذِي هُوَ بِهِ مَشْهُورٌ لَا يَخْلُو مِنْ حَبِّ الْمَنْزِلَةِ

(Sa'id Hawwa, 2011, hal: 174)

'Jalan yang terbaik untuk menyenyapkan hubbul-jâh, bahkan yang terkuat diantaranya ialah menyendiri dari pergaulan orang banyak dan berpindah ke tempat yang sunyi sepi, sebab orang yang menyendiri di rumahnya di tempat yang ia termasyhur namanya itu tidak akan sunyi dari kunjungan orang...'

(Sa'id Hawwa, 2004, hal: 506)

Ketiga, Mencegah daripada sifat hasad dengki. Sifat hasad dengki perlu dicegah dengan cara mengekang sifat tersebut dan melakukannya secara berlawanan iaitu memuji orang yang dicemburuinya itu. Sa'id Hawwa menyatakan:

وَأَمَّا الْعَمَلُ النَّافِعُ فِيهِ فَهُوَ أَنْ يَحْكُمَ الْحَسَدَ فَكُلُّ مَا يَتَقَضَاهُ الْحَسَدُ مِنْ قَوْلٍ وَفِعْلٍ فَيَنْبَغِي أَنْ يَكْلِفَ نَفْسَهُ تَقْيِضَهُ، فَإِنْ حَمَلَهُ الْحَسَدَ عَلَى الْقَدْحِ فِي مُحْسُوْدِهِ كَلَّفَ لِسَانَهُ الْمَدْحَ لَهُ وَالثَّنَاءَ عَلَيْهِ..

(Sa'id Hawwa, 2011, hal: 183)

'Adapun amal perbuatan yang bermanfaat hendaklah dikekang dan dikendalikan, cara yang berkesan untuk melaksanakan ialah segala ucapan dan perbuatan yang didasari oleh hasad, dan yang didorong olehnya yang menjadi kebalikannya, mengajaknya agar mencemuhkan dan mencela orang yang dihasadnya hendaklah lisan itu dipaksa untuk memberikan pujian ...'

(Sa'id Hawwa, 2004, hal: 541)

Berikut dipaparkan proses *Mujâhadah al-nafs* menurut Sa'id Hawwa sepertimana dalam Jadual 1.

Jadual 1: Proses <i>Mujâhadah Al-Nafs</i> Menurut Sa'id Hawwa	
Proses	Elemen Sahsiah
<i>Mujâhadah al-Nafs</i>	i) Meminta nasihat atau pengajaran
	ii) Mencegah daripada <i>hubbul jâh</i>
	iii) Mencegah daripada sifat hasad dengki

Riyâdhah al-Nafs

Riyâdhah turut dijelaskan dalam kaedah *tahaqquq* adalah berfungsi menumbuhkan keimanan dan yakin terhadap hak kebenaran atau perkara yang diwajibkan di dalam hati individu, iaitu sebenar-

benar suruhan yang dilaksanakan dan segala apa yang terlarang semestinya disingkirkan (Said Hawwa, 2004).

Proses *tahaqquq* ini serupa dengan *riyâdhah* yang melibatkan latihan dalam menjaga kesempurnaan asas ibadah seperti sembahyang, zakat, puasa, haji, sedekah, membaca al-Qur'an, zikir, tafakkur dan seumpamanya. Pelaksanaan dalam menerapkan aspek ibadah ke dalam rohani individu secara berterusan sehingga memancarkan sifat-sifat yang terpuji (sifat *mahmudah*) seperti ketauhidan *ubudiyyah*, *ikhlâs*, *siddiq*, zuhud, tawakkal, *mahabatullah*, *khauf* dan *raja'*, taqwa dan wara', syukur, sabar dan redha, *murâqabah* dan *musyâhadah* (Said Hawwa, 2004; Nur Zainatul, 2019). Namun, Sa'id Hawwa turut menyelitkan bahawa proses *takhalluq* (berakhlak mulia) adalah sebahagian *asma'* iaitu nama-nama Allah Ta'âlâ yang baik dan sifat-Nya melibatkan *Dzat Ilahiyah* dimiliki oleh manusia tetapi sememangnya kurang sempurna dan tidak terlawan dengan milik Allah Ta'âlâ (Said Hawwa, 2004). Bagi para ahli suluk yakni orang yang menempuhi jalan menuju keredhaan Allah Ta'âlâ akan sentiasa memperhatikan dan mengamalkan seterusnya meneladani akhlak yang baik sesuai dengan *asma'*-Nya dan perkara berhubung dengan sifat-sifat-Nya, maka ini akan dianggap sebagai ketinggian darjat dan keluhuran martabat seorang muslim. Berikut dijelaskan elemen *riyâdhah al-nafs* menurut Sa'id Hawwa dari aspek akhlak.

Pertama, membezakan perkara yang baik dengan yang batil dan berusaha menyelamatkan diri daripada perlakuan maksiat. Dengan beramal dan sentiasa menghadap diri kepada Allah Subhânahu Wa Ta'âlâ, seseorang itu akan memikirkan dan berusaha untuk keluar daripada segala bentuk perkara yang menyesatkan bahkan berazam untuk menjauhi dari perbuatan tercela sehingga mendidiki jiwa menjadi seorang yang *siddiq* apabila bergaul dengan orang yang mantap keimanannya. Sebagaimana perkara ini dinyatakan oleh Sa'id Hawwa:

أَنَّ عَلَيْهِ أَنْ يَفْتَشَ دَائِمًا فِي سُلُوكِيَّتِهِ وَعَوَاطِفِهِ عَنْ أَخْلَاقِ الْمُنَافِقِينَ
وَعَلَيْهِ أَنْ يَتَفَقَّنَ لِلْمَعَاصِي الظَّاهِرَةِ وَالْبَاطِنَةِ كَبِيرُهَا وَصَغِيرُهَا ...

(Sa'id Hawwa, 2011, hal: 62)

'Maka wajiblah memikirkan dan berusaha menyelamatkan diri dari perbuatan munafiq

...

... dan perlulah pandai membezakan jika hendak melakukan sesuatu. Maka apabila dikerjakan itu berupa kemaksiatan, sama ada secara lahir dan batin atau besar dan kecil (maka jauhilah dari semua itu)...

(Sa'id Hawwa, 2004, hal: 466)

Kedua, meneliti bahaya *hubbul jâh*. Proses ini melibatkan seseorang perlu menuntut ilmu dan memikirkan tentang bahaya yang dikecapi dari *hubbul jâh*. Sa'id Hawwa menyatakan:

فَيَنْبَغِي أَنْ يُعَالَجَ قَلْبُهُ مِنْ حُبِّ الْجَاهِ بِالْعِلْمِ بِالْآفَاتِ الْعَاجِلَةِ، وَهُوَ أَنْ يَتَفَكَّرَ فِي الْأَخْطَارِ الَّتِي
يَسْتَهْدِفُ لَهَا أَرْبَابَ الْجَاهِ فِي الدُّنْيَا ...

(Sa'id Hawwa, 2011, hal: 173)

'Cara yang terlebih dahulu membersihkan hati dari hubbul jâh ialah mengetahui ilmu atau pengetahuan perihal bahaya-bahaya yang akan datang secepatnya, pengubatan

itu setentunya dengan jalan memikirkan bahaya-bahaya yang pasti dihadapi oleh orang yang memiliki pangkat atau kedudukan di dunia...'

(Sa'id Hawwa, 2004, hal: 504)

Ketiga, beramal dan menghiasi diri menerusi sifat-sifat Allah Ta'âlâ. Beberapa sifat-sifat yang terkandung dalam *asma`* Allah Ta'âlâ dan segala perbuatan-Nya merupakan sebahagian makna itu agar dapat menghiasi diri dengan akhlak yang baik dalam kehidupan seharian. Hal tersebut dinyatakan oleh Sa'id Hawwa dalam proses *bertakhalluq*:

وَحَسْبُنَا أَنْتَا عَرَفْنَا عَلَى هَذَا الْجَانِبِ، لِيَعْرِفَ الْإِنْسَانُ مَحَلَّ هَذَا الْجَانِبِ فِي تَزْكِيَةِ النَّفْسِ. وَلَا شَيْءَ يُسَاعِدُ عَلَى التَّخَلُّقِ مِثْلُ الْعِلْمِ وَالذِّكْرِ.

(Sa'id Hawwa, 2011, hal: 362)

'Bagi kita semua memaklumi (asma-Nya) itu agar setiap manusia itu mema'rifati mana tempatnya, yang dapat diraih dalam masalah tazkiyatun nafs atau mensucikan jiwa. Tidak ada suatu jalan yang dapat menolong manusia untuk mudahnya mengambil takhalluq (menggunakan contoh dari asma' Allah Al-Husna tadi) sebagaimana ilmu pengetahuan yang dimiliki serta zikir.'

(Sa'id Hawwa, 2004, hal: 1116-1117)

Keempat, mencontohi perbuatan baik seperti akhlak kenabian. Perkara ini melatih seseorang agar melakukan kebaikan untuk diri sendiri, sesama masyarakat tidak kira dalam bentuk perlakuan, percakapan dan apa jua tindakan. Sebagaimana dinyatakan oleh Sa'id Hawwa:

ثُمَّ بَيَّنَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلْخُلُقِ: أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ وَيَبْغِضُ سَفْسَافَهَا وَمَنْ ذَلِكَ حَسَنُ الْمَعَاشِرَةِ وَكَرَمُ الصَّنِيعَةِ وَلَيْتُ الْجَانِبِ وَبَذَلَ الْمَعْرُوفِ ..
.... وَالْعَفْوُ وَالْإِصْلَاحُ بَيْنَ النَّاسِ وَالْجُودُ وَالْكَرَمُ وَالسَّمَاخَةُ ، وَالْأَبْتِدَاءُ بِالسَّلَامِ، وَكَظَمَ الْغَيْظِ وَالْعَفْوُ عَنِ النَّاسِ، وَاجْتَنَابُ مَا حَرَّمَ الْإِسْلَامَ ..

(Sa'id Hawwa, 2011, hal: 365)

'Kemudian Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam menerangkan tentang akhlak: bahawasanya Allah mencintai budi pekerti yang mulia, terpuji dan Dia membenci akhlak yang rendah dan budi pekerti yang hina. Di antara akhlak yang bernilai tinggi serta amat luhur derajatnya ialah bersikap bagus dalam pergaulan dengan sesiapa pun...

... memaafkan dan mengajak agar saling berbuat baik sesama manusia, menahan kemarahan apabila ada yang menyakiti baik dengan lisan atau perbuatan, mengampuni kesalahan orang disengaja atau tidak asalkan bukan bentuk penghinaan terhadap agama dan Allah Ta'âlâ, menjauhi apa yang diharamkan dalam Islam ...'

(Sa'id Hawwa, 2004, hal: 1123-1124)

Secara rumusan bagi proses *riyâdhah al-nafs* menurut Sa'id Hawwa dipaparkan dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2 : Proses *Riyâdhah Al-Nafs* Menurut Sa'id Hawwa

Proses	Elemen Sahsiah
<i>Riyâdhah al-nafs</i>	i) Membezakan perkara yang baik dengan yang batil
	ii) Meneliti bahaya <i>hubbul jâh</i>
	iii) Beramal dan menghiasi diri menerusi sifat Allah Ta'ala
	iv) Mencontohi perbuatan baik seperti akhlak kenabian

Aplikasi Elemen Sahsiah Berdasarkan Sa'id Hawwa Dalam Konteks Pendidikan

Berikutan penjelasan dari landasan teori dan pendekatan *tazkiyah al-nafs* menurut Sa'id Hawwa, pengkaji seterusnya menghuraikan elemen *mujâhadah al-nafs* berdasarkan tokoh tersebut ke dalam konteks pendidikan yang bersesuaian dengan pelajar menengah masa kini. Pengkaji memaparkan rumusan proses *mujâhadah al-nafs* sepertimana dalam Jadual 1, diikuti proses *riyâdhah al-nafs* dalam Jadual 2 dan seterusnya diuraikan elemen sahsiah dari aspek akhlak pelajar.

Mujâhadah al-nafs

Pertama, meminta nasihat atau pengajaran. Menurut Sa'id Hawwa, proses ini menekankan kepada pelajar yang mendapat nasihat dan mengambil pengajaran agar dapat melatih individu untuk menyingkirkan jiwa tercela dalam diri mereka sehingga mampu memperolehi hikmah daripada suatu pengajaran.

Kedua, mencegah dari *hubbul jâh*. Perjuangan pelajar dalam menyingkirkan sifat dari mengejar kedudukan (*hubbul jâh*) adalah dengan cara memalingkan pandangan mereka dari sebarang keinginan hawa nafsu. Bahkan pelajar perlu dididik dengan melenyapkan segala bentuk ketamakan dunia demi kepentingan diri sendiri.

Ketiga, mencegah daripada sifat hasad dengki. Proses menyingkirkan sifat *mazmumah* seperti hasad dengki dalam diri pelajar adalah dengan cara mengekang dari timbulnya sifat tercela tersebut. Malah, sifat ini perlu dilawan kepada sifat positif iaitu dengan cara memuji orang yang dicemburuinya itu. Walaupun perkara ini sulit untuk dilakukan bagi setiap pelajar, namun sebaliknya ianya secara tidak langsung mendatangkan kebaikan antara sesama mereka.

Riyadhah al-Nafs

Pertama, membezakan perkara yang baik dan buruk (*batil*). Dalam proses *riyâdhah al-nafs*, pelajar dilatih untuk membezakan perkara yang baik dengan yang buruk terutama dari segi cara berfikir dan memilih pergaulan. Justeru, pelajar dididik untuk berusaha menyelamatkan diri dari segala perlakuan yang bertentangan iaitu dengan cara memikirkan untuk menjauhi perbuatan tercela. Bahkan cara tersebut haruslah dilatih melalui cara pergaulan bersama orang yang mantap imannya.

Kedua, meneliti bahaya *hubbul jâh*. Kepentingan memperolehi ilmu dalam kalangan pelajar merupakan rawatan bagi sifat yang menumpukan kepada mengejar kedudukan atau berlumba-lumba mendapat gelaran dalam hal keduniaan (*hubbul jâh*). Justeru dengan menuntut ilmu mampu mendidik para pelajar dapat meneliti kembali akan bahaya dan kesan buruk yang diperolehinya dari memiliki sifat *hubbul jâh* tersebut.

Ketiga, beramal dan menghiasi diri menerusi sifat-sifat Allah Ta'âlâ. Menerusi latihan jiwa ke arah membentuk akhlak melatih pelajar untuk beramal dan mencontohi dengan menghiasi diri menerusi

sifat-sifat Allah Ta'âlâ. Daripada sifat-sifat *asma* Allah menunjukkan kebesaran-Nya dan ianya perlu dididik kepada para pelajar dengan diterapkan sifat terpuji (*sifat mahmudah*) yang terkandung di dalamnya. Dengan kata lain, pelajar perlu merealisasikan, menerapkan dan aplikasikan dalam diri mereka agar menjadi insan yang berakhlak mulia.

Keempat, mencontohi perbuatan baik seperti akhlak kenabian. Selain merealisasikan dengan mengambil teladan terpuji dari sifat Allah Ta'âlâ, pelajar juga dilatih untuk melakukan kebaikan kepada sesama masyarakat dan menjadikan contoh utama kepada generasi seterusnya. Sebagaimana mencontohi Rasûlullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam sebagai ikutan terbaik kepada pelajar dengan mempunyai sifat terpuji (*sifat mahmudah*).

Secara rumusan dari aplikasi proses *mujâhadah al-nafs*, pelajar dididik untuk meminta nasihat atau pengajaran yang baik di sekolah, berusaha untuk menyingkirkan sifat ingin mengejar kedudukan dalam melakukan setiap tindakan, serta menanamkan sifat positif dalam diri dari perasaan hasad dengki. Manakala proses *riyâdhah al-nafs* pula dilatih kepada pelajar agar dapat berfikir secara rasional dari segi baik buruk dalam setiap tindakan dan memilih pergaulan hidup yang baik, meneliti kembali tentang bahaya sifat ingin mengejar suatu kedudukan, menerapkan sifat terpuji dalam diri pelajar agar memiliki akhlak mulia serta dapat mencontohi perbuatan yang baik di sekolah.

PERBINCANGAN

Berdasarkan huraian di atas menunjukkan secara jelas tentang elemen sahsiah menurut perspektif Sa'id Hawwa terhadap pendekatan *tazkiyah al-nafs* melibatkan beberapa peringkat iaitu *tatahhur*, *tahaqquq* dan *takhalluq* yang berpotensi dalam pembentukan peribadi muslim (Said Hawwa, 2004, 2011; Zainol et al., 2021). Beberapa peringkat tersebut turut dijelaskan di dalam bahagian *mujâhadah al-nafs* dan *riyadhah al-nafs*. Seterusnya pengkaji mengaitkan elemen tersebut untuk diaplikasikan kepada pelajar mengikut kerelevanan konteks pendidikan Islam masa kini. Elemen-elemen sahsiah tersebut adalah menjurus kepada aspek akhlak pelajar.

Pendekatan Sa'id Hawwa ini mempunyai sedikit persamaan dari segi proses yang dilakukan sepertimana pandangan yang telah dikemukakan oleh Al-Ghazali (2011, 1980) dalam kitabnya *Ihya 'Ulumuddin*. Hal ini al-Ghazali turut menjelaskan bahawa penekanan metod *tazkiyah al-nafs* bertujuan untuk membentuk personaliti individu yang positif bersesuaian dengan konteks pelajar mendepani cabaran masa kini. Elemen-elemen sahsiah yang ditekankan dalam proses *mujahadah al-Nafs* dari aspek akhlak menurut al-Ghazali seperti menundukkan hawa nafsu dan menjauhi perbuatan yang tidak baik. Manakala proses *riyadhah al-Nafs* pula menjelaskan elemen sahsiah seperti membezakan perkara baik dan buruk dengan ilmu, pemurah dan menahan diri ketika marah (Al-Ghazali, 2011 & 1980). Menerusi pengisian ibadat seperti berzikir, bertafakkur, doa, sembahyang, membaca al-Quran dan sebagainya; proses *mujahadah al-nafs* dan *riyadhah al-nafs* sebagaimana dikemukakan oleh al-Ghazali ternyata memberi impak positif terhadap pendidikan akhlak sekiranya dipraktikkan secara berterusan di sekolah (Suhaili dan Muhamad Zahiri, 2023).

Berdasarkan analisis kajian literatur mengupas pendekatan *tazkiyah al-nafs* yang dimaksudkan adalah pendekatan Islam mampu merawat jiwa, hati, akal dan kalbu setiap individu. Menerusi pendekatan ini perbaikan berterusan bermula dari penyingkiran sifat *mazmumah* dan seterusnya diterapkan sifat-sifat *mahmudah* ke dalam peribadi setiap insan dengan pengisian aktiviti berbentuk kerohanian. Perkara ini amat penting dan berkesan untuk ditekankan kepada para pelajar sesuai dengan lingkungan peribadi dan psikologi mereka yang tidak konsisten. Hal ini turut menunjukkan kelebihan dalam kajian ini berupaya memberikan nilai tambah ilmu dan teori khususnya kepada proses penyucian jiwa ke arah pembentukan sahsiah pelajar yang beragama Islam di negara ini.

Pembahasan tersebut mempunyai hubungan berkaitan penyempurnaan akhlak dan merupakan amalan *salih al-akhlaq* sejak dari kebangkitan Rasūlullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam dalam melaksanakan tugasnya, justeru istilah *tazkiyah al-nafs* merujuk proses pembentukan insan yang mulia. Daripada keterangan berdasarkan teori Sa'id Hawwa menampilkan pendekatan masing-masing dalam pelaksanaan *tazkiyah al-nafs*. Perkara ini turut memberikan kepentingannya dalam Islam bahawa pelaksanaan *tazkiyah al-nafs* membawa misi kehidupan manusia ke arah kejayaan (*falāh*) hidup dunia dan akhirat di samping dapat membina ummah agar membolehkan mereka kembali memahami kedudukan sebenar disiplin ilmu dalam keseluruhan keilmuan Islam dan amalan keislaman.

Pendekatan *tazkiyah al-nafs* ini merupakan amalan para ahli sufi yang sewajarnya individu muslim masa kini berusaha untuk mencapai keyakinan diri dalam menyempurnakan peribadi yang mulia. Begitu juga dari aspek penyempurnaan akhlak, pelaksanaan ibadat individu meliputi segenap aspek dalam dirinya secara zahir dan batin sehingga mampu melakukan perkara yang disuruh dan meninggalkan segala kemungkaran. Hal ini memberi gambaran yang jelas pelaksanaan melibatkan kerohanian berperanan untuk mengukuhkan pegangan 'aqidah, penyempurnaan amal ibadat dan perlakuan akhlak seseorang yang memberi sumbangan terbaik dalam peradaban Islam (Zakaria et al., 2012). Maka menerusi pendekatan pengamalan menggunakan pelaksanaan *tazkiyah al-nafs* sepertimana terungkap dalam ajaran kerohanian Islam, ianya merupakan strategi bagi menyelesaikan kemelut akhlak dan nilai negatif yang melanda ummah dalam konteks sekarang. Justeru pendekatan tersebut mampu membangunkan insan yang masih relevan dipraktikkan dan diamalkan sesuai untuk manfaat para masyarakat Islam masa kini.

KESIMPULAN

Kajian menyentuh tentang pendekatan Sa'id Hawwa juga mempunyai kaitan dengan pendekatan yang dikemukakan oleh al-Ghazali. Hal ini membuktikan terdapat persamaan proses yang dilalui, namun menerusi perincian dalam penulisan Sa'id Hawwa cuba merungkaikan beberapa tahap dan kelebihan pendekatan tersebut yang menekankan bahawa proses dan kaedah *tazkiyah al-nafs* mampu mendidik jiwa para manusia di samping mengelak dari gangguan tingkah laku serta dapat memberikan panduan awal kaedah penyucian jiwa berdasarkan al-Qur'an dan as-Sunnah. Justeru dapatan kajian ini sangat penting untuk diaplikasikan kepada para pelajar di dalam konteks pendidikan islam di Negara Brunei Darussalam.

RUJUKAN

Buku:

- Ahmad Kilani Mohamed, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Aminuddin Hehsan, Normala Hashim. 2012. "Pendidikan Islam dalam Konteks Pembangunan Ummah", Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012). Pengajaran dan Pembelajaran Realistik Dalam Pendidikan Islam Penerokaan Terhadap Kandungan dan Kaedah. Hlm. 731-741.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. 2011. *Ihya 'Ulum al-Din*. Jilid ke-5. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. 1980. *Ihya 'Ulumuddin*. Jilid 4. Penterjemah: Ustaz Al-Fadhil Dr. H.A. Malik Karim Amrullah (Dr. HAMKA). Cetakan ke-5. Indonesia: Menara Kudus.
- Hawwa, Sa'id. 2011. *Al-Mustakhlash Fi Tazkiyah Al-Anfus* (Pentahqiq : Abdul Qadir Mahmud Bakar). Kاهره: Dar Al-Salam.

Suhaili, S., & Awang Mat, M. Z. (2025). Implementasi metod *tazkiyah al-nafs* dalam pendidikan akhlak menurut Sa'id Hawwa. *International Journal of Umrānic Studies*, 8(2), pp. 39 – 49.

Hawwa, Sa'id. 2004. *Al-Mustakhlis Fi Tazkiyatun Nafsi (Induk Penducian Jiwa)*. (Penterjemah: Syed Ahmad Semait, M. Abdai Rathomy). Cetakan Kelima: Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd.

Hawwa, Sa'id. 1988. *Al-Mustakhlis fi Tazkiyah al-Anfus*. Kaherah: Dar al-Salam.

Ibnu Miskawayh. 1966. *Tahzib al-Akhlak*. Zurayk C.K (peny). Beirut: America University of Beirut.

Artikel Jurnal:

Abu Dardaa Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah & Ahmad Irdha Mokhtar. 2017. "Konsep Tazkiyah al-Nafs Menurut Al-Harith bin Asad al-Muhasibi", *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Vol 4, bil.1, 115-125.

Che Zarinna Sa'ari & Sharifah Fatimah Syed Omar. 2014. "Implementasi Tasawuf dalam Penghayatan Rukun Islam dan Pengaruhnya Kepada Penyucian Jiwa (Tazkiyah Al-Nafs) Menurut Sa'id Hawwa", *Jurnal MANU* 20, 165-185.

Suhaiella Suhaili & Muhamad Zahiri Awang Mat. 2023. "Tazkiyah Al-Nafs Menurut Perspektif Al-Ghazali dan Implikasinya Terhadap Pendidikan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Negara Brunei Darussalam", *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8(56), 534-543.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, Noranizah Yusuf. 2012. "Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri", *Jurnal Hadhari*, Special Edition, 155-172.

Artikel Jurnal dengan DOI:

Zainol, N. Z. N., Mustapha, A. S., Mohammad, C. A., Mohamed, N. K., & Saad, M. F. M. 2021. "The Propose on Tazkiyah Al-Nafs approach by Sheikh Said Hawwa for Women Rehabilitation Centre", *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(9), 427-438. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i9/10603>

Zainol, N. Z. N. .2019. "Model Tahaqquh Dalam Tazkiyah al-Nafs oleh Said Hawwa bagi Merawat Jiwa Muslim", *Perada*, 2(2), 115-126. <https://doi.org/10.35961/perada.v2i2.36>

Zainol, N. Z. N, Tuah, Z., Saparuddin, I.F. 2019. "Sumbangan Sheikh Sa'id Hawwa (1935-1989): Sorotan Awal Proses Tazkiyah Al-Nafs Sebagai Wadah Pembersihan Jiwa", *Teraju: Jurnal Syariah dan Hukum*, 1(2), 73-78. <https://doi.org/10.35961/TERAJU.V1I02.61>